



20 Jun 2017
20 June 2017
P.U. (A) 182

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

PERINTAH JALAN PERSEKUTUAN (PERSIMPANGAN
BERTINGKAT BANDAR TASIK PUTERI) 2017

*FEDERAL ROADS (BANDAR TASIK PUTERI INTERCHANGE)
ORDER 2017*

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA JALAN PERSEKUTUAN 1959

PERINTAH JALAN PERSEKUTUAN
(PERSIMPANGAN BERTINGKAT BANDAR TASIK PUTERI) 2017

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 3 Akta Jalan Persekutuan 1959 [*Akta 376*], Menteri, setelah berunding dengan Kerajaan Negeri Selangor, membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Jalan Persekutuan (Persimpangan Bertingkat Bandar Tasik Puteri) 2017**.

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 21 Jun 2017.

Pengisytiharan jalan sebagai jalan Persekutuan

2. (1) Bahagian jalan yang dikenali sebagai Persimpangan Bertingkat Bandar Tasik Puteri yang merupakan sebahagian daripada Lebuhraya KL-Kuala Selangor yang bermula dari kilometer 12.57 di koordinat U 362094.083, T 385748.822 Grid *Rectified Skew Orthomorphic* (RSO) Geosentrik (GDM 2000) dan berakhir di kilometer 13.50 di koordinat U 362152.960, T 386672.156 Grid RSO Geosentrik (GDM 2000) Lebuhraya KL-Kuala Selangor, kedua-dua jarak diukur dari kilometer 0.00 di koordinat U 366573.829, T 375376.712 Lebuhraya KL-Kuala Selangor termasuk Persimpangan Bertingkat Ijok, Plaza Tol Ijok, Persimpangan Bertingkat Puncak Alam, Persimpangan Bertingkat Bandar Tasik Puteri, Plaza Tol Kuang Barat, Plaza Tol Kundang Timur, Persimpangan Bertingkat Kundang, Plaza Tol Kundang Barat, Plaza Tol Kuang Timur, Persimpangan Bertingkat Kuang, Plaza Tol Taman Rimba Templer, Persimpangan Bertingkat Taman Rimba Templer dan jalan-jalan sambungannya dan berakhir di kilometer 30.70 di koordinat U 364885.563, T 401792.132 Grid RSO Geosentrik (GDM 2000), diisytiharkan sebagai jalan Persekutuan.

(2) Jalan yang diisytiharkan sebagai jalan Persekutuan di bawah subperenggan (1) ditunjukkan dalam peta dalam Jadual.

JADUAL

PETA PERSIMPANGAN BERTINGKAT BANDAR TASIK PUTERI

